

sains

KERATAN AKHBAR

21 JUN 2023

NEW
Straits Times

The people's paper
Star Kosmo!

Penyeler fikiran rakyat
Utusan MALAYSIA

suara akhbar komuniti anda
Sinar harian

Harian
Metro

BERITA HARIAN

astro
AWANI

malaysiakini
terkini untuk anda

NOGORI KITO



facebook

THE EDGE
MARKETS
MAKE BETTER DECISIONS

THE
Sun

FMT
news
FREE AND INDEPENDENT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

南洋商報
NANYANG SIANG PAU

中國報
CHINA PRESS

malaymail
since 1981

Pembenihan awan tingkat kapasiti air Empangan Air Itam 49.9 peratus- Ahmad Zahid



Operasi Pembenihan Awan di Empangan Air Itam, Pulau Pinang berjaya menghasilkan hujan dan meningkatkan kapasiti air empangan itu kepada 49.9 peratus. - Foto fail NSTP

PUTRAJAYA: Operasi Pembenihan Awan (OPA) di Empangan Air Itam, Pulau Pinang berjaya menghasilkan hujan dan meningkatkan kapasiti air empangan itu kepada 49.9 peratus.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata OPA di Empangan Air Itam dari 11 hingga 13 Jun lalu menunjukkan impak positif apabila hujan berjaya direkodkan pada hari pertama dan kedua operasinya.

SAMBUNGAN

Beliau berkata, namun operasi sama yang dilakukan di Empangan Teluk Bahang tidak membawa hasil apabila tiada hujan direkodkan.

"Tiada rekod hujan dilaporkan di Empangan Teluk Bahang sepanjang 11 hingga 13 Jun, hujan direkodkan pada pagi 14 Jun sebanyak 59.0 mililiter (mm) berhampiran Empangan Teluk Bahang.

"Hujan juga direkodkan sebanyak 23.0mm berhampiran Empangan Air Itam pada pagi 14 Jun itu dan kapasiti empangan terbabit meningkat kepada 49.9 peratus," katanya dalam kenyataan di Facebook hari ini.

Beliau berkata, Jawatankuasa Pengurusan Bencana akan terus bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri untuk memastikan bekalan air di kawasan titik panas mencukupi sepanjang musim Monsun Barat Daya yang dijangka berakhir pada September ini.

"Namun orang ramai tetap dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan menjaga serta peka terhadap persekitaran," katanya.

Awal bulan lalu, media melaporkan simpanan Empangan Air Itam hanya mampu bertahan untuk 40 hari manakala Empangan Teluk Bahang pula selama 146 hari, susulan cuaca panas melanda negara ketika ini.

Setakat 8 Mei lalu, Empangan Air Itam merekodkan paras 41.5 peratus manakala Empangan Teluk Bahang pada 48.1 peratus.

Susulan penurunan paras Empangan Air Itam dan Teluk Bahang itu, kerajaan negeri memohon bantuan menjalankan operasi pemberian awan bagi mencetuskan hujan di kawasan tадahan air berkenaan.

Pada 12 Jun lalu, operasi kedua pemberian awan di Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam dijalankan, sebulan selepas operasi pertama.